



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562

No. Fax : 03-8882 5569

SIARAN SEGERA

198,046 KENDERAAN DILULUSKAN SUBSIDI DIESEL SETAKAT 12 JUN 2024

PUTRAJAYA, 13 JUN 2024 – Permohonan menyertai Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) menunjukkan peningkatan kadar harian yang tinggi setelah pengumuman pelaksanaan penyasaran subsidi dan pelarasan harga baharu diesel bermula pada 10 Jun 2024.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah merintis perluasan BUDI MADANI : SKDS 2.0 pada 7 Mac 2024 yang pada awalnya hanya terbuka kepada 9 jenis kenderaan pengangkutan barangan.

Pada 13 Mei 2024, SKDS 2.0 telah ditawarkan kepada tambahan 14 jenis pengangkutan barangan menjadikan keseluruhan 33 jenis pengangkutan yang terlibat. Ini termasuk penerima awal SKDS 1.0 iaitu 10 jenis kenderaan pengangkutan awam.

Sehari sebelum pelarasan harga bermula iaitu pada 9 Jun 2024, KPDN menerima keseluruhan permohonan daripada 40,264 syarikat yang melibatkan 156,242 kenderaan.

Kelulusan permohonan meningkat pada kadar tertinggi pada 10 Jun 2024 yang merekodkan 8,584 syarikat melibatkan 19,612 kenderaan pengangkutan awam dan barangan. Ini adalah peningkatan sebanyak 7,097 (477%) syarikat dan 16,584 (548%) kenderaan berbanding hari sebelumnya (9 Jun 2024) yang hanya mencatatkan kelulusan permohonan sejumlah 1,487 syarikat dengan melibatkan 3,028 kenderaan.

Sehingga 12 Jun 2024, jumlah keseluruhan syarikat yang diluluskan subsidi diesel di bawah SKDS adalah sebanyak 59,940 melibatkan sejumlah 198,046 kenderaan pengangkutan awam dan barangan. Kelulusan serta merta boleh diberikan melalui sistem MySubsidi Diesel sebaik permohonan disertakan dengan maklumat lengkap.

KPDN menjangkakan permohonan akan terus meningkat khususnya sehingga 30 Jun 2024 selaras dengan tarikh akhir pembayaran semula secara tunai kepada penerima SKDS yang masih belum menerima *fleet card*.

KPDN menggesa syarikat pengangkutan yang layak untuk segera membuat permohonan melalui pautan <https://mysubsidi.kpdn.gov.my> untuk mendapat manfaat subsidi bersasar yang ditawarkan oleh Kerajaan.

YB DATUK ARMIZAN MOHD ALI
Menteri Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup

###



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

Peningkatan Kelulusan Permohonan Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS 2.0) 1 Jun hingga 12 Jun 2024



Kenderaan : 198,046
Syarikat : 59,940
Jumlah keseluruhan permohonan
7 Mac hingga 12 Jun 2024

Pra Pengumuman

Jumlah keseluruhan permohonan
7 Mac hingga 9 Jun 2024

Kenderaan : 156,242
Syarikat : 40,264

Pasca Pengumuman

Permohonan diluluskan
10 Jun hingga 12 Jun 2024

Kenderaan : 41,804
Syarikat : 19,676